



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA  
DAN TRANSFORMASI AIR

## KENYATAAN MEDIA

### SIWW 2024 BUKA RUANG KERJASAMA MALAYSIA-SINGAPURA DALAM SEKTOR PENGURUSAN AIR

**PUTRAJAYA, 21 JUN 2024 –** Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah merebut peluang untuk turut serta dalam *Singapore International Water Week* (SIWW) 2024 yang bertempat di *Marina Bay Sands Expo & Convention Centre*, Singapura pada 18 hingga 19 Jun 2024 yang lalu bagi menunjukkan komitmen Kementerian untuk meneroka bidang kerjasama baharu dalam sektor pengurusan air di rantau ini.

SIWW merupakan acara dwitahunan dan tahun ini merupakan kali ke-10 ia diadakan. SIWW merupakan platform yang mengumpulkan pemegang taruh daripada sektor kerajaan, pemain industri, ahli akademik dan orang awam daripada pelbagai negara untuk berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam sektor air. Pada tahun ini, SIWW 2024 telah diadakan bersekali dengan *Cleanenviro Summit Singapore* (CESG) 2024.

Delegasi Kementerian yang diketuai oleh YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri PETRA turut menyertai sesi *Joint Opening Ministerial Plenary* pada 19 Jun 2024 sebagai ahli panel dalam sesi forum tersebut bersempena pembukaan bersama SIWW 2024 dan CESG 2024. Sesi ini telah membincangkan mengenai pendekatan negara serantau dalam mendepani krisis perubahan iklim khususnya

dalam sektor pengurusan air dan dasar-dasar dalam pembangunan mampan di negara masing-masing pasca COP28.

Dalam rangka kerja lawatannya, YB Timbalan Menteri PETRA juga berkesempatan untuk melihat kejayaan Singapura menguruskan air sisa dan kumbahan serta penggunaan semula air sisa dalam lawatan beliau ke Loji Pulih Guna Air Sisa (WRP) dan Loji NEWater di Changi, Singapura.

Selain itu juga, satu Memorandum Persefahaman (MOU) antara syarikat Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dengan Kolej Pegawai Pentadbiran India (ASCI) telah dimeterai dan disaksikan oleh YB Timbalan Menteri PETRA. Persefahaman ini melibatkan perkongsian pengalaman dalam pemulihan perniagaan IWK, inovasi teknologi berkaitan pengurusan air sisa dan pembetungan dan pembinaan kapasiti yang mempunyai kepentingan bersama.

Lawatan kerja ini merupakan antara usaha Kementerian untuk menghebahkan hala tuju strategik sektor air negara serta bertukar pandangan bersama rakan sejawat dalam platform antarabangsa. Di samping itu, ianya dapat mengukuhkan lagi hubungan baik dengan negara serantau khususnya Singapura dalam bidang kerjasama sektor air.

## KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

**21 JUN 2024**



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)

Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

